

# Latihan Mini TTX uji tahap kefahaman NaSOP



ANTARA yang hadir pada Taklimat Latihan Mini 'Table Top Exercise' (TTX) yang diadakan di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Tutong.

Berita dan Foto : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim

**TUTONG**, Isnin, 18 Disember. - Bagi melatih proses membuat keputusan kordinasi, perintah dan kawalan serta tindakan peringkat taktikal menggunakan Sistem Arahan Insiden (Incident Command System - ICS), sehubungan itu, satu Latihan Mini 'Table Top Exercise' (TTX) bagi Ahli Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah Tutong akan diadakan pada 19 Disember.

Pemangku Penolong Pengarah, Pusat Pengurusan Bencana Kebangsaan (NDMC), Pengiran Sabri bin Pengiran Damit menyatakan perkara tersebut

semasa menyampaikan Taklimat Latihan Mini TTX yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan daerah ini.

Di samping itu, katanya, antara tujuan latihan tersebut diadakan ialah bagi menguji tahap kefahaman mengenai National Standard Operating Procedure (NaSOP).

Taklimat turut menyentuh mengenai tugas dan tanggungjawab NDMC.

Jawatankuasa NDMC ini terangnya, berperanan membuat penilaian, perancangan dan perakuan mengenai cadangan

program pemulihan dan pembangunan semula mangsa bencana dan infrastruktur yang terlibat dengan mengambil kira aspek pengurangan risiko bencana, penilaian kerosakan dan kerugian yang menekankan aspek pencegahan.


Di samping itu, beliau juga menjelaskan mengenai konsep pengurusan insiden / kejadian yang standard yang dicipta untuk keberkesanan dan lebih efisien dengan sistem pengurusan yang fleksibel.

Taklimat turut dihadiri oleh Pegawai Daerah Tutong, Awang Shamsul Bahrin bin Haji Muhammad Hussein; pegawai-pegawai kanan, pegawai dan kakitangan kerajaan yang telah menghadiri Kursus NaSOP.

## Menjaga kebersihan amalan mulia



PENGARAH Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam.



PEGAWAI Perhubungan Awam, Jabatan Muzium-Muzium, Dayang Mariani binti Abu Bakar.

Berita dan Foto : Wan Mohamad Sahran Wan Ahmadi

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Disember. - Kehidupan yang harmoni dan selesa memerlukan kepada persekitaran yang damai dan tenang yang mana iklim kedamaian dan ketenangan itu akan terhasil melalui persekitaran yang bersih.

Pengarah Pusat Perhubungan Awam dan Antarabangsa, Universiti Islam Sultan Sharif Ali, Awang Haji Sammali bin Haji Adam menjelaskan demikian semasa ditemu bual mengenai aspek menjaga kebersihan yang menjadi amalan mulia.

Awang Haji Sammali menekankan, imej kebersihan inilah yang perlu kita amalkan bermula dari individu kepada satu keluarga dan seterusnya kepada sebuah masyarakat.

Katanya, terdapat dua keadaan yang perlu kita perhatikan dalam perkara menjaga kebersihan, iaitu apa yang dipandang dan apa yang dihidu.

"Melihat kepada sampah sarap yang dibuang merata-rata adalah cermin yang tidak baik pada pandangan mata.

Kerana perkara ini akan mencemarkan nama baik negara sekiranya senario begini berlaku di negara ini. Negara yang kotor menunjukkan juga bahawa masyarakatnya adalah tidak bertamadun, malah penyakit mudah membiak.

Pelancong-pelancong sudah

tentu akan membawa cerita yang tidak baik dan juga industri pelancongan akan terjejas," tegasnya lagi.

Apabila sampah sarap tidak dikawal tambahnya, maka akan menimbulkan aroma yang tidak sihat yang mengundang segala serangga dan binatang yang membawa penyakit seperti lalat, lipas berterbangan dan tikus berkeliaran di kawasan tersebut.

Oleh itu beliau menyeru, perlunya untuk kita mengamalkan kebersihan kerana amalan ini juga ada hubung kait dengan soal ibadah dan keimanan.

Sementara itu, Pegawai Perhubungan Awam, Jabatan Muzium-Muzium, Dayang Mariani binti Abu Bakar pula seterusnya berpendapat, aspek kebersihan itu dalam memupuk hidup bermasyarakat, iaitu dalam semua aspek kehidupan kita sama ada di rumah, tempat kerja, sekolah dan sebagainya, kebersihan itu merupakan satu cara hidup yang mulia.

"Setiap orang memainkan peranan. Jikalau nampak ada sampah walaupun kecil, kutip dan buang," ujarnya.

Kebersihan tambahnya, adalah cermin diri kita sebagai individu, masyarakat serta negara dan ruang dan kawasan bersih menjadikan hati kita tenang dan nikmat menghirup udara segar sentiasa ada.

## Resolusi Multaqa tekankan kepentingan bahasa Arab



UNIVERSITI Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Pertubuhan Islam Dalam Bidang Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (ISESCO) serta Penerbitan Granada dan Khidmat Pendidikan telah menganjurkan Multaqa Pendidikan Bahasa Arab di peringkat universiti di negara ini yang diadakan di Auditorium universiti berkenaan.

Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 18 Disember. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Fakulti Bahasa Arab (FBA) dengan kerjasama Pertubuhan Islam Dalam Bidang Pendidikan, Sains dan Kebudayaan (ISESCO) serta Penerbitan Granada dan Khidmat Pendidikan telah menganjurkan Multaqa Pendidikan Bahasa Arab di peringkat universiti di negara ini dengan 'Mengaplikasi Pendekatan Sistem Pendidikan Moden dan Penggunaan Teknologi Pengajaran : Ke Arah Peningkatan Holistik Dalam Pengajaran Bahasa

Arab Bagi Bukan Penuturnya'.

Multaqa yang diadakan selama tiga hari bermula 11 hingga 13 Disember 2017 lalu di Auditorium universiti berkenaan dihadiri oleh 41 peserta bersama tiga fasilitator yang telah dihantar oleh pihak ISESCO.

Pada akhir Multaqa, dibentangkan Resolusi Multaqa yang antaranya menggalakkan pelaksanaan seminar, Multaqa, *muktamar*, yang mengambil berat isu-isu pengajaran bahasa Arab di rantau Asia Tenggara secara khas, di samping menekankan peri pentingnya mewujudkan

mimbar antarabangsa yang menghimpunkan segenap tenaga pengajar bahasa Arab bagi yang bukan penuntut Arab, yang bertebaran di penjuru dunia.

Multaqa ini juga mencadangkan ISESCO akan dapat mengusahakan agar mimbar ini bernaung di bawah ISESCO juga mencadangkan agar pelbagai kajian dan penulisan tentang realiti pengajaran bahasa Arab di Negara Brunei Darussalam dapat dilakukan bagi mengenal pasti pelbagai keperluan, hajat dan permasalahan para penuntut dan ahli akademik dalam lapangan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab, malah bagi membuat perancangan untuk masa hadapan.